

## Model Pendidikan Kerohanian Terhadap Anak-anak dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam

### Model of Spiritual Education for Children among Successful Women in the Public Sector

Naemah Hamzah (Pengarang Penghubung)

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru,  
Johor, Malaysia

Tel: +6019-7464620 E-mel: naemah@utm.my

Mohd Ismail Mustari

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru,  
Johor, Malaysia

Tel: +6019-7435108 E-mel: mohdismail@utm.my

Bushrah Basiron

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru,  
Johor, Malaysia

Tel: +6019-7673073 E-mel: bushrah@utm.my

#### Abstrak

Pendidikan kerohanian merupakan kewajipan setiap ibu bapa. Namun, penglibatan aktif wanita moden dalam kerjaya memberi cabaran terhadap perkembangan anak yang sempurna. Oleh kerana itu, pendidikan anak masa kini mestilah mengikut acuan Islam yang sebenar dan disesuaikan dengan realiti semasa untuk mendapat kesan yang optimum. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual mendalam, analisis dokumen yang melibatkan kitab Turath, dan pandangan ulama kontemporari. Temu bual mendalam dijalankan terhadap wanita profesional cemerlang yang berkhidmat di sektor awam dengan grad 54 dan JUSA. Data sokongan temu bual kajian ini melibatkan suami, anak, majikan, dan rakan sekerja bagi mewujudkan triangulasi data. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis secara bertema menggunakan perisian Nvivo 7.0. Pola-pola dapatan kajian ini telah menghasilkan satu model pendidikan anak yang sesuai dengan perkembangan semasa. Hasil kajian ini dikemukakan sebagai panduan bagi wanita bekerjaya masa kini, ibu bapa, masyarakat, institusi kerajaan, dan swasta.

**Katakunci:** Model; Realiti Pendidikan Anak; Wanita; Profesional; Sektor Awam.

#### Abstract

Spiritual education is the duty of every parent. However, it is a challenge, especially for career women, to raise children perfectly. Therefore, the present child education must adhere to the Islamic rules and must be adapted to the current reality to obtain optimum impact. This study employed the qualitative design through in-depth interviews, analysis of documents involving the book of Turath, and views of contemporary religious scholars. The in-depth interviews were conducted with professional women of higher grade in the public sector, specifically grade 54 and JUSA. Meanwhile, the supporting data of this study, which were retrieved from interviews with husbands, children, employers, and colleagues, led to triangulated data. The findings of the study were analysed thematically using Nvivo 7.0 software. The patterns of these findings had resulted in a model for child education corresponding to the current developments. The results are presented as a guide for the

present career women, as well as for those in the higher education institutions, government departments, and private companies.

**Keywords:** Model; Child Education; Women; Professional; Public Sector.

## Pengenalan

Setiap pasangan yang berkahwin berharap dikurniakan cahaya mata sebagai penyambung zuriat dan pengikat kasih-sayang antara mereka (Abdullah Nasih Ulwan, 2000). Malah, Allah (s.w.t) sendiri telah menentukan bahawa satu daripada fungsi perkahwinan ialah untuk mengembang-biakkan generasi yang soleh (Mohd Hamid dan Khaulah, 1994). Ini jelas dalam firman-Nya yang bermaksud:

*“Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu ; anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik dan halal; maka patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara yang salah (penyembahan berhala) dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?”* (Al-Quran, 16:72)

Kelahiran anak dalam keluarga tidak harus dipersia-siakan. Pendidikan anak-anak menurut Mohd Hamid dan Khaulah (1994), termasuk pendidikan dari aspek jasmani, rohani, agama, akhlak, masyarakat dan akal. Lantaran itu, Islam mewajibkan ibu bapa memberi nafkah dan mendidik anak-anak supaya taat kepada perintah Allah (s.w.t) dan berakhlak mulia (Mohd Hamid dan Khaulah, 1994; al-Khin dan al-Bugha, 1998;2008). Al-Qardawi (1995; 1999), menegaskan bahawa pekerjaan yang lebih utama bagi wanita adalah mendidik generasi. Wanita bertanggungjawab menjaga dan mendidik anak-anak (al-Buty, 1996; Abu Shuqqah, 2002; 2009). Wanita bertanggungjawab mendidik anak bermula dari alam rahim sehinggalah mereka dilahirkan ke dunia (Mohd Hamid & Khaulah, 1994). Isteri perlu mendidik anak-anak dengan ilmu agama yang mantap

dengan melaksanakan segala kewajipan yang telah diwajibkan kepada umat Islam (al-Zuhaili, 2008). Justeru itu, Allah (s.w.t) telah memperlengkapkan wanita dengan persiapan fizikal dan juga spiritual bagi menggalas tugas tersebut (Abu Shuqqah, 2002; 2009). Maka, tidak wajar bagi wanita menyibukkan diri dengan urusan kebendaan sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka yang paling utama. Rasulullah (s.a.w) menetapkan tanggungjawab wanita untuk menjaga anak-anak seperti mana sabda Rasulullah (s.a.w) daripada Abdullah bin Umar yang bermaksud, *“Dan wanita adalah pemimpin terhadap rumah tangga suaminya dan anak-anaknya, dan akan dipertanggungjawabkan terhadap mereka.”* (al-Bukhari, 1997; Muslim, 1996).

Walaupun tanggungjawab menjaga dan mendidik anak-anak diletakkan sepenuhnya kepada ibu namun Rasulullah (s.a.w). menggalakkan tugas ini dilaksanakan secara bersama (Siti Fatimah, 2002). Tanggungjawab mendidik anak-anak bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan seorang diri. Terutamanya, zaman yang serba moden dan mempunyai masyarakat remaja yang semakin rosak jiwanya (Siti Fatimah, 2002). Rasulullah (s.a.w). bersabda daripada Abdullah Amr bin al-‘Ash yang bermaksudnya, *“Sesungguhnya anakmu mempunyai hak terhadap dirimu.”* (Muslim, 1996: 7-9: 1159). Sejarah menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w). kasih kepada anak-anak baginda dan turut sama mendidik mereka dengan akhlak yang mulia (Abu Shuqqah, 2002; 2009). Rasulullah (s.a.w) bersabda daripada Umar bin Abi Salamah yang bermaksud, *“Wahai anakku, sebutlah nama Allah, makanlah dengan tangan kananmu, dan makanlah apa yang dekat darimu.”* (al-Bukhari, 1997 H). Justeru, ibu bapa perlu menggalas tugas berat ini secara bersama. Ibu bapa wajar mendidik anak-anak dengan berkesan bagi mengembangkan potensi diri mereka. Pendidikan yang baik juga dapat menyelamatkan anak-anak daripada terlibat dengan gejala sosial yang semakin meruncing (Makiah Tussaripah et al., 2012).

## Metodologi

Secara umumnya kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif sepenuhnya melibatkan metode temu bual mendalam (*in-dept interview*) bagi mengumpulkan data utama dan metode dokumentasi melibatkan kitab-kitab Turath dan pandangan ulamak kontemporari serta dokumen milik tokoh bagi data sokongan kajian (Gall et al., 2005; Mohd Najib, 2003). Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian pelbagai kes (*multiple-case design*) yang melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik, jelas dan mendalam berkaitan amalan fiqh sains rumah tangga dan kerjaya wanita cemerlang di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Gall et al., 2005; Mok Soon Sang, 2010). Kajian ini dikenali sebagai kajian pelbagai kes kerana melibatkan wanita cemerlang yang berbeza namun mempunyai ciri-ciri yang sama. Selain itu, kajian ini juga dilakukan di lokasi dan masa yang berbeza (Richard Holmes et al., 2005). Penggunaan metode temu bual mendalam (*in-depth interview*) menunjukkan kajian dilakukan secara natural terhadap fenomena terlibat (Gall et al., 2005). Pengkaji amat memerlukan dapatan kajian menerusi temu bual bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan data-data yang baru daripada wanita cemerlang yang dipilih untuk menghasilkan model (Maxwell, 1996; Salvana et al., 2008). Dapatan-dapatan baru ini diperlukan bagi menghasilkan model wanita berkerjaya masa kini menurut pandangan Islam (Maxwell, 1996; Salvana et al., 2008; Richard et al., 2005; Uwe Flick et al., 2004; Locke et al., 2010).

## Sampel


Peserta kajian utama melibatkan tujuh orang wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan profesional sektor awam jelas menggunakan snow ball sampling (4 orang gred JUSA, 3 orang Gred 54). Wanita cemerlang akan memberikan cadangan rakan sekerja yang sesuai untuk di temu bual (Pittenger, 2003; Welman et al., 2005; Neuman, 2007; Parmjit Singh, 2006; Chua Yan Piaw, 2011, Mok Soon Sang, 2010).

Antara ciri peserta kajian ini ialah (a) seorang wanita yang berkerjaya dalam kumpulan pengurusan dan profesional sektor awam; (b) wanita berkenaan telah berumah tangga dan mempunyai anak; (c) mencipta kejayaan dalam kerjaya; (d) mengamalkan syariat Islam ketika keluar bekerja seperti menutup aurat dengan sempurna.

Data sokongan temu bual melibatkan tujuh orang suami dan tujuh orang majikan menggunakan *purposive sampling* (Welman et al., 2005). Sementara itu, tujuh orang rakan sekerja wanita cemerlang dipilih menggunakan *snow ball sampling* berdasarkan ciri dan kriteria yang mirip dengan peserta kajian. Tujuh orang anak wanita cemerlang pula di pilih menggunakan *convenience sampling*.

## Metode Analisis Data Temu Bual

Proses penganalisaan data kualitatif dianggap sebagai satu proses yang sukar dan memerlukan ketekunan dan kesabaran. Data kualitatif adalah bersifat dinamik, intuitif dan melibatkan proses pemikiran serta pembentukan teori yang kreatif (Tiawa et al., 2005). Analisis data temu bual sebagai data utama melibatkan proses yang sistematik seperti persiapan nota lapangan dan transkrip, pengekodan, mengesan dan membina tema utama, membina sub tema dan sub-sub tema, penilaian pakar dan penentuan tahap Cohen Kappa, pembentukan jadual matrik & menganalisis tema, mempersembahkan hasil kajian (Welman et al., 2005). Carta alir proses analisis data temu bual diterangkan dalam Rajah 1 berikut.



Rajah 1: Proses Penganalisaan Data Temu Bual (Welman et al., 2005)

Gambaran pembentukan tema terhasil daripada sorotan kajian lepas (Tiaw et al., 2005). Namun begitu, pengkaji tidak boleh bergantung kepada tema-tema kajian dalam sorotan kajian kerana data-data mentah tersebut juga akan menghasilkan tema-tema yang baru atau berbeza sedikit dengan tema sedia ada. Pengkaji harus bersifat terbuka dalam pembentukan tema ini. Data yang dikeluarkan dalam bentuk transkrip seperti mana proses yang telah diterangkan kemudiannya dibentuk verbatim data. Verbatim data ini dimasukkan dalam perisian berkomputer Nvivo untuk mengesan tema utama dan sub-sub tema yang terlibat (Uwe Flick et al., 2004). Pelbagai program komputer disediakan untuk membantu proses analisis data kualitatif. Pemilihan Nvivo adalah bersesuaian dengan

cara kerja pengkaji dan permasalahan kajian berkaitan fiqh sains rumah tangga wanita berkerjaya bagi memudahkan pembentukan model dilakukan di akhir kajian (Uwe Flick et al., 2004).

## Hasil dan Perbincangan

### *Latar Belakang Peserta Kajian Utama*

Peserta kajian utama kajian ini melibatkan tujuh orang wanita berkerjaya dan berumah tangga yang sedang berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Jadual 1 menunjukkan ringkasan latar belakang peserta kajian:

Jadual 1: Latar Belakang Peserta Kajian Utama

Nama	Institusi	Jawatan	Gred	Pendidikan	Bidang Kepakaran	Anugerah/Penglibatan	Bil. Anak
WC 1	UKM	Profesor Dr. Pengarah Institut	JUSA	Dip. Pend. Ain Syams B.A al-Azhar M.A al-Azhar Ph.D UM	Metodologi Dakwah Kesenian dan Budaya	APC UKM 2001, 2007 Anugerah Pengajar Cemerlang 2004 Anugerah Perkhidmatan 20 tahun Lantikan Profesor Pelawat Panelis TV1, TV al-Hijrah, Astro	4 orang
WC 2	UNIMAS	Prof. Madya Dr. Ketua Jabatan (2009- 2011) Dekan Pusat Bahasa (2005)	DS54	Dip.Pend. MPTI Profesional course Durham, UK B.A USM M.A Texas, USA Ph.D Durham, UK	Kognitif Kognitif Psikologi Pendidikan	APC UNIMAS Anugerah Penerbitan Anugerah Penyelidikan Projek Leader -QEEG-Brain Mapping and Neurofeedback ASIAN NEUROSCIENCE SOCIETY MALAYSIA NEUROSCIENCE SOC.	2 orang
WC3	UPM	Profesor Dr. Ketua Laboratori Institut Teknologi Maju	JUSA	B.A UKM Ph.D UKM Postdoctoral Cambridge	Kimia	APC UPM 2003,2004, 2005 APC Fakulti Sains 2003, 2004 Anugerah Saintis Cemerlang Fakulti Sains 2005 Anugerah Saintis Muda Fakulti Sains 2007 Anugerah Pengajar Muda 2008 Mendapat 6 pingat emas, 7 perak, 10 gangsa Malaysia Innovative Product Award, ITEX, 2001	4 orang

WC 4	PPUKM	PM. Dr. Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan Pakar O&G	JUSA	Matrikulasi UKM Ijazah Doktor Perubatan UKM Sarjana Kepakaran O&G UKM Ph.D Harvard Medical School	O&G	Anugerah Siti Khadijah Negeri Selangor 2011 Anugerah Pengajar Cemerlang PPUKM 2010 Anugerah Pengajar Cemerlang UKM 2009 Anugerah Khidmat Masyarakat 2010 Anugerah Khas Kualiti UKM 2007 APC 2000	4 orang
WC 5	UKM	Profesor Dr. Present Member of IEEE	JUSA	B.A UKM Ph.D Ireland	Antenna Com. Wireless Com.	Young Research Award 2011 Anugerah Fizik Malaysia Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Institutional Network, 6 Profiled Organizations, 38 Non-Profiled Organizations.	3 orang
WC 6	UTM KL	PM. Dr. Ketua Penilai Kualiti	DS54	Univ. Dip. England Dip. UiTM M.A Washington D.C. Ph.D UUM	Public Administration	APC 2006, 2010 Anugerah Penyelidikan Aktif membentangkan kertas kerja dalam dan luar negara. 23 Papers Presented at Conferences 1999-2012	6 orang
WC7	UTM	PM. Dr. Pengurus Akademik SPS UTM	DS54	B.A UTM M.A UTM Ph.D Warwick, UK	Optical communication system and network	Anugerah Harta Intelek 2013 APC 2010 Publication Award for Original Foreign Language Writing 2009 Best Paper Gold Award Asia 2005 9 pingat emas, 5 perak, 11 gangsa Prof. pelawat 2011	5 orang

Sumber: Data temu bual dan analisis dokumen

## Realiti Pendidikan Kerohanian Semasa

Dapatan kajian menunjukkan 11 cara yang dipraktikkan oleh wanita profesional sektor awam dalam usaha mendidik anak-anak. Wanita profesional ini mampu melahirkan anak-anak yang hebat dan cemerlang dalam akademik dan sahsiah meskipun mereka sibuk dalam menguruskan kerjaya masing-masing. Model

sebegini amat diperlukan dalam realiti semasa yang menyaksikan penglibatan wanita dalam lapangan pekerjaan. Teknik pendidikan yang dilakukan mampu menanam cinta ilmu dan dalam masa yang sama melahirkan akal yang sihat dalam kalangan anak-anak alaf baru. Jadual 2 berikut menunjukkan dapatan kajian secara terperinci.

Jadual 2: Cara Menanam Cinta Ilmu dan Akal yang Sihat

Bil.	Menanam cinta ilmu dan akal yang sihat	WC1	WC2	WC3	WC4	WC5	WC6	WC7
1.	Menghantar mengikuti program ilmiah	-	-	-	X	X	X	X
2.	Memotivasikan diri anak	X	X	X	X	X	X	X
3.	Bawa anak bermusafir	X	X	X	X	X	X	X

4.	Mengajar anak di rumah	X	X	X	X	X	X	X
5.	Mendedahkan tentang sejarah Islam	X	X	X	-	-	X	X
6.	Beri kebebasan bertindak/memilih	X	-	X	X	X	X	X
7.	Menunjukkan contoh yang baik	X	X	X	X	X	X	X
8.	Memantau aspek akademik	X	X	X	X	X	X	X
9.	Memberi perhatian dan kasih-sayang	X	X	X	X	X	X	X
10.	Memilih sekolah yang terbaik	X	X	X	X	X	X	X
11.	Menghantar anak belajar dengan orang alim	X	X	X	X	X	-	X

Indeks Data, 2013: 704-705

Pertamanya, peserta kajian mengambil langkah bijak menghantar anak mengikuti pelbagai program ilmiah yang memberi tambahan ilmu dan pendidikan jati diri anak-anak. Program pilihan ibu bapa dalam kajian ini termasuklah melibatkan anak-anak dalam usrah umum anjuran NGO atau mengadakan sendiri usrah keluarga di rumah (AWC5, 2013:184; RSWC7, 2013: 338; SWC5, 2013:229). Seterusnya, peserta kajian juga memilih untuk menghantar anak-anak mengikuti pelbagai program pembangunan diri dan ilmu seperti kem-kem motivasi (AWC4, 2013:137; WC6, 2013:530); ceramah-ceramah agama di masjid atau surau (AWC4, 2013:139); bengkel tahfiz (AWC5, 2013:217; SWC5, 2013:236); kem ibadah (RSWC5, 2013:164; WC5, 2013:307); English for Fun (SWC5, 2013:238); dan mukhayyam (WC5, 2013:307). Di samping itu, anak-anak juga digalakkan menyertai pelbagai pertandingan (mahrajan) seperti pertandingan nasyid, hafazan, azan, bercerita, tilawah al-Quran dan pidato (AWC5, 2013:91). Program ini kebiasaannya dianjurkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan NGO (AWC5, 2013:79; MWC5, 2013:279; RSWC4, 2014:416; SWC7, 2014:6). Kenyataan temu bual wanita profesional WC6:

**(WC:FRT/HDP/CIAS/PA)** “Nak motivasi kan diri mereka tu kita hantar lah kem-kem motivasi tu kan. Kalau tidak kan dia nak buat apa, dia tengok tv je kan. Kena hantar lah dia pergi mana-mana kem, kem motivasi, pembangunan insan, ke kem jati diri.” (WC6, 2013:531)

Jelasnya, peserta kajian memilih menghantar anak-anak mengikuti pelbagai program tersebut semasa cuti sekolah untuk mengisi masa lapang

dengan aktiviti yang berfaedah (RSWC4, 2014:418; SWC5, 2013:238). Bukti pengakuan dan kenyataan anak berkaitan penglibatan mereka dalam kajian ini, (WC:FRT/HDP/CIAS/PA) “*Kalau ada kem ummi suruh pergi saya pergilah. Minggu lepas baru balik kem kat Melaka.*” (AWC4, 2013:137). Peranan ini hendaklah berjalan seiring antara suami dan isteri. Khususnya, para suami wajib memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada isteri dan keluarga (Abdullah Nasih Ulwan, 1998; Zeenath, 2002; Ghazali, 1997; Md. Nurul Huda, 2012). Pendidikan terhadap anak-anak termasuklah mendidik agar mentaati Allah dan RasulNya, mengamalkan akhlak mulia dan meningkatkan tahap kesihatan diri dan keluarga (Abdullah Nasih Ulwan, 1998). Pendidikan juga membolehkan umat Islam keluar dari kegelapan dan kekeliruan (Mohd Roslan Mohd Nor, 2012). Suami wajib mengajar ilmu agama kepada isteri dan anak-anak mereka (al-Zuhaili, 2008). Sekiranya suami tidak mampu mengajar sendiri ilmu agama kepada ahli keluarga maka suami hendaklah memberi keizinan kepada isteri dan anak-anak untuk keluar menuntut ilmu (Sayyid Sabiq, 1995). Menghantar anak-anak mengikuti pelbagai program untuk memantapkan ilmu amat diperlukan dalam situasi masyarakat moden yang semakin mencabar (‘Adawiyah, 2011; Syeikh Khalid, 2014; Muhammad Nur, 2010).

Kedua, menggilap potensi diri anak dan selalu memotivasikannya dalam memastikan perkembangan yang baik dan seimbang. Kenyataan suami:

**(WC:FRT/HDP/CIAS/GPA)** “Kadang cerita juga tentang zaman sekolah pondok dulu bagi pengajaran pada mereka. Saya kata, tengok

abah dulu sekolah pondok, cerita juga pada mereka pengalaman belajar dekat India, susah bukan senang macam la ni. Bagi motivasi dekat mereka, sebab dulu ayah saya nak sara saya belajar dulu pun bukan ada banyak duit, pergi berniaga macam-macam nak cari duit bagi anak-anak belajar.” (SWC6, 2013:179)

Kenyataan lain, (WC:FRT/HDPA/CIAS/GPA) “*Anak-anak yang besar yang form one tu tak boleh kasar lah, dia kena pujuk. dia dah tak boleh marah-marah, memang kena pujuk kena bagi motivasi.*” (WC3, 2013:376). Menyedari hakikat ini, ibu bapa cemerlang hendaklah mendalami ilmu agama untuk memastikan anak-anak di didik mengikut landasan Islam yang betul. Di samping itu, ibu bapa juga mestilah mempelajari teknik-teknik pendidikan anak-anak yang terkini sesuai dengan zaman mereka. Ilmu berkaitan keibubapaan profesional boleh diperolehi menerusi bengkel, ceramah dan bahan bacaan (Siti Fatimah, 2002; Azizi et al., 2009; Muhaya, 2013). Anggota keluarga memainkan peranan dalam memberikan bantuan moral, nasihat yang baik sesama ahli keluarga untuk meningkatkan kualiti kehidupan (Ahmad Shalaby, 2001; Jamaluddin, 1992).. Selain itu, anggota keluarga hendaklah menjalankan tanggungjawab masing-masing untuk memastikan sistem kekeluargaan berjalan dengan sempurna dan seimbang (‘Adawiyah, 2011; al-Qardawi, 1995; Sayyid Sabiq, 19).

Ketiga, selalu membawa anak bermusafir untuk melihat negara orang sebagai pendedahan dan penerokaan baru. Pengakuan anak, (WC:FRT/HDPA/CIAS/BAM) “*Masa tahun dua my mom pindah ke UK selama 3 tahun. Jadi kami sekeluarga mengikut ibu. Balik semula ke Malaysia ketika itu di hujung tahun 5.*” (AWC2, 2013:18). Kebaikan berada di tempat orang hasil kenyataan anak, (WC:FRT/HDPA/CIAS/BAM) “*Pada Mei 2008 sehingga Januari 2009 berada di Damsyiq, Syiria. Saya merasakan bahawa pengalaman menuntut ilmu di tempat orang ni sangat penting lah. Dapat pengalaman berada di luar negara dan pengalaman bersosial.*” (AWC6, 2014:50). Kumpulan pengurusan

dan profesional khususnya yang mempunyai gred perkhidmatan 54 dan JUSA dalam perkhidmatan awam terlibat dengan tugas yang mencabar, berfungsi sebagai pemimpin, pentadbir dan pembuat keputusan, sering menghadiri bengkel dan persidangan dalam dan luar negara, memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan daya intelektual yang tinggi (Zaini Ujang, 2009; 2011); memberikan banyak sumbangan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial (Wan Kamal Mujani dan Allawati Kasri, 2012:3); dan sering mendapat pengiktirafan serta penghormatan masyarakat (Wan Kamal Mujani dan Allawati Kasri, 2012; Basri, 2009). Keperluan ini berlaku apabila wanita profesional yang juga merupakan seorang ibu diarahkan untuk menghadiri mesyuarat, seminar atau pembentangan kertas kerja dalam dan luar negara. Ke kerapannya meninggalkan keluarga akan mengundang pelbagai masalah dalam rumah tangga, menghilangkan fungsi utama sebagai seorang ibu untuk memberi tumpuan dan mendidik anak-anak serta ikatan kekeluargaan yang semakin longgar (Muhaya, 2013). Alternatif yang diambil dengan membawa keluarga bersama ketika ke luar negara adalah sesuatu yang baik terutamanya bagi wanita profesional yang sukar mengambil cuti (WC4, 2013). Namun, sedikit kekangan kewangan berlaku apabila melibatkan jumlah ahli keluarga yang ramai atau terlalu kerap (WC7, 2013). Namun, wanita profesional yang mementingkan kebajikan keluarga terutamanya memiliki anak-anak yang masih kecil sanggup melakukannya (RSWC7, 2013).

Keempat, peserta kajian mengambil kesempatan mengajar sendiri anak-anak di rumah walau pun sibuk (RSWC3, 2013:140; RSWC4, 2014:239; SWC1, 2013:166; SWC2, 2013:89; SWC3, 2013:212; SWC6, 2013:116; WC2, 2013:103; WC3, 2013:410; WC6, 2013:146). Kenyataannya, (WC:FRT/HDPA/CIAS/MS) “*Selalunya memang saya lah yang ajar anak-anak mengaji.*” (RSWC5, 2013:283). Pengakuan anak, (WC:FRT/HDPA/CIAS/MS) “*Selalu saya memang mengaji al-Quran dengan umi. Umi yang ajar mengaji, dah baca juzuk*

20 dah.” (AWC5, 2013:147). Sokongan suami juga berlaku di sini untuk membantu mendidik dan memantau pendidikan anak (SWC1, 2013; SWC2, 2013; SWC4, 2013). Ibu bapa yang cemerlang tidak menyerahkan sepenuhnya tugas mendidik anak-anak kepada pihak sekolah (Syeikh Khalid, 2014; Muhammad Nur, 2010). Tugas mendidik anak-anak termasuk hak anak yang wajib ditunaikan oleh ibu bapa (al-Qardawi, 1995). Tindakan ini boleh mengeratkan hubungan yang baik antara ibu bapa dan anak-anak. Di samping itu, ibu bapa dapat mengetahui perkembangan anak masing-masing dengan lebih dekat dan seimbang (‘Adawiyah, 2011). Kekangan masa yang berlaku menyebabkan tugas ini diberikan kepada pembantu rumah atau menghantar anak-anak belajar dengan orang lain (RSWC4, 2014). Walau pun begitu peserta kajian tetap berusaha mengajar sendiri anak-anak mengikut keperluan dan masa yang sesuai terutamanya pada hujung minggu dan waktu malam selepas pulang bekerja (WC3, 2013; RSWC1, 2013).

Kelima, mendedahkan anak-anak dengan sejarah Islam. Membeli buku kisah sahabat Rasulullah (s.w.t), (WC:FRT/HDPA/CIAS/MSI) “*Galakkan dia membaca buku sahabat. Jadi bila cuti sekolah macam ni memang belilah buku-buku sahabat kan.*” (WC3, 2013:374). Hal ini selari dengan minat dan amalan anak, (WC:FRT/HDPA/CIAS/MSI) “*Ana suka juga membaca buku berkaitan para sahabat dan tokoh-tokoh Islam juga.*” (AWC7, 2014:147). Menceritakan kepada anak sejak dalam kandungan kisah para nabi dan rasul serta orang-orang soleh (WC2, 2013; 85; SWC2, 2013:66). Mengambil peluang bercerita dengan anak sebelum tidur sebagai refleksi diri (WC2, 2013:245; SWC2, 2013:67). Kesannya, anak-anak menjadikan para sahabat sebagai idola mereka, (WC:FRT/HDPA/CIAS/MSI) “*..idola ana ialah Saidina Uthman bin Affan. Ana memilih Saidina Uthman bin Affan kerana beliau sanggup mengorbankan segala hartanya, tenaganya untuk Islam.*” (AWC7, 2014:154). Jelasnya, pelbagai rancangan hiburan di saluran TV dewasa ini mempunyai pengaruh barat seperti Rancangan Malaysian Idol yang terkesan dengan rancangan

American Idol di Amerika Syarikat. Rancangan-rancangan hiburan dibawa masuk atas alasan untuk memenuhi permintaan masyarakat (Mohd Roslan Mohd Nor, 2012). Lebih daripada 90% isi rumah di seluruh Malaysia mempunyai peti televisyen sendiri (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2012). Anak-anak yang dibiarkan menonton dalam tempoh yang lama bermula jam 8.00 pagi sehingga 11.00 malam maka, idola dan model mereka akan beralih kepada pelakon-pelakon yang dilihat oleh mereka (Siti Fatimah, 2002; Rahimah, 1999; Azizi dan Tan Soo Yin, 2007). Tidak kurang juga kemunculan *iPad, facebook, whatsapp* dan kemudahan jalur lebar di rumah juga memberi cabaran hebat kepada anak-anak masa kini (Azizi et al., 2009; Kamarul Azmi dan Siti Fauziyani, 2007). Ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak dengan sejarah kegemilangan Islam dan tokoh-tokoh Islam yang hebat untuk menambahkan kecintaan mereka kepada agama. Ciri sahabat yang baik dan taat kepada Allah (s.w.t) dan Rasul-Nya wajar disemai dan dipupuk dalam jiwa anak-anak zaman moden (Syeikh Khalid, 2014; Muhammad Nur, 2010).

Keenam, akal yang sihat boleh dibentuk dengan memberi kebebasan bertindak atau memilih kepada anak untuk melakukan sesuatu yang diminati atau disukai oleh mereka. Syaratnya, semua pilihan dan tindakan anak tersebut adalah baik dan tidak menyalahi syariat Islam (MWC5, 2013:96; SWC1, 2013:122; SWC4, 2013:186; SWC7, 2014:167; WC5, 2013:519). Contohnya, ibu bapa memberi kepercayaan dan kebebasan kepada anak untuk memilih bidang pengajian yang diminati. Kenyataan temu bual, (WC:FRT/HDPA/CIAS/KB) “*Saya rasa pemilihan sendiri. Sebelum ni saya dah kerja. Dan waktu SPM saya memang ambil bidang elektrik, jadi saya teruskanlah dalam bidang yang sama.*” (AWC1, 2013:65). Namun begitu, aspek pemilihan pakaian anak yang menutup aurat dengan sempurna, fardu ain dan pembelajaran al-Quran perlu mendapat bimbingan ibu bapa yang betul (Muhaya, 2013; Bushrah, 2006). Adakalanya, ibu bapa perlu memaksa anak untuk belajar al-Quran atau menghafaz (WC5, 2013). Di samping itu, ibu bapa moden hari ini juga perlu tahu perkembangan



teknologi maklumat dengan menguasai teknik untuk mengakses, menghadkan penggunaan, membuang dan menyemak penggunaan dalam *facebook* atau telefon pintar (Rahimah, 1999). Faktor ilmu dan kemahiran mampu memimpin ibu bapa bertindak dalam membuat keputusan yang tepat (Azizi et al., 2009).

Ketujuh, akal yang sihat terbina apabila ibu bapa selalu mempamerkan contoh yang baik (AWC1, 2013:148; AWC2, 2013:60; AWC4, 2013:166; MWC3, 2013:298; MWC4, 2013:347; RSWC4, 2014:119; SWC2, 2013:30; WC6, 2013:301; WC7, 2013:318). Contoh kenyataan MWC4:

**(WC:FRT/HDPA/CIAS/CYB)** “Saya nampak sangatlah peranan ibu bapa kepada anak-anak. Ibu bapa seharusnya menjadi role model lah kepada anak-anak mereka sendiri. Important kita sebagai role model kepada anak-anak. Kita nak anak-anak tu rajin solat, rajin baca buku dan lain-lain lagi, tapi parents pula tak buat kan.” (MWC4, 2013:347)


Model pelaksanaan solat yang sempurna, solat di awal waktu dan rutin berjemaah mestilah ditunjukkan oleh ibu bapa terlebih dahulu. Meletakkan diri ibu bapa sebagai model yang terbaik adalah pendekatan mendidik anak yang paling berkesan kerana anak suka memerhati apa yang dilakukan oleh ibu bapa mereka (Syeikh Khalid, 2014). Tingkah-laku dan perbuatan ibu bapa akan ditiru dan diikuti oleh anak-anak tanpa disedari oleh mereka. Apabila ibu bapa menjadi seorang yang taat kepada perintah Allah (s.w.t) dan meninggalkan segala laranganNya serta menunjukkan akhlak yang mulia dalam kehidupan maka sifat-sifat yang baik ini akan meresap ke dalam diri anak-anak mereka (Rahimah, 1999; al-Ghazali, 1990). Jika ibu bapa menunjukkan contoh yang tidak baik seperti suka menengking, pamarah, bercakap dengan kasar, meninggalkan solat dan mencuri juga menyebabkan anak-anak melakukan perbuatan yang sama (Azizi dan Tan Soo Yin, 2007). Namun, perbuatan yang tidak baik ini akan merugikan ibu bapa itu sendiri kerana melahirkan generasi yang bermasalah

untuk masa depan negara (Siti Fatimah, 2002). Kejayaan anak-anak bukan sahaja dalam akademik tetapi yang lebih penting kejayaan dalam membentuk keperibadian yang mulia (Mohd Hamid dan Khaulah, 1994; Abdullah Nasih Ulwan, 2000; Sharifuddin Aisa, 2008; Muhammad Nur, 2010; Azizi et al., 2009).

Kelapan, peserta kajian tetap berusaha memantau aspek akademik anak-anak untuk masa depan mereka yang lebih baik (AWC2, 2013:45; AWC3, 2013:66; AWC6, 2014:92; MWC3, 2013:321; MWC5, 2013:96; RSWC5, 2013:160; SWC1, 2013:62; SWC2, 2013:89; SWC4, 2013:164; SWC7, 2014:162). Kenyataannya, (WC:FRT/HDPA/CIAS/PA) “*Fokus didik anak-anak sebab ibu ni juga sebagai pemantau akademik*” (AWC6, 2014:93). Hujung minggu atau waktu malam dikhususkan kepada keluarga tanpa diganggu oleh tugas pekerjaan (RSWC1, 2013). Malahan, mereka sanggup menolak tawaran memegang jawatan tambahan atau kenaikan pangkat buat sementara waktu untuk memberi tumpuan kepada anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan besar (WC7, 2013). Peserta kajian memilih untuk mengajar anak-anak mengikut bidang kepakaran mereka. Contohnya, SWC1 merupakan seorang ustaz maka pendidikan Islam melibatkan al-Quran dan fardu ain ditekankan dalam aktiviti seharian di rumah. WC7 yang mahir dalam akademik seperti bahasa Inggeris dan Matematik pula memberi tunjuk ajar kepada anak dalam bidang tersebut. Tidak kurang juga yang memilih untuk menghantar ke pusat-pusat tuisyen untuk memastikan pencapaian anak yang lebih baik mengikut kemampuan aspek kewangan (MWC3, 2013; WC7, 2013).

Kesembilan, memberi perhatian dan kasih-sayang kepada anak. Hasil temu bual, (WC:FRT/HDPA/CIAS/MP) “*Nak kena terapkan disiplin dan memberi kan kasih-sayang dan perhatian kepada anak-anak walaupun dalam kesibukan kita bekerja.*” (RSWC7, 2103:210).). Jelasnya, tugas utama wanita yang telah berkahwin adalah menguruskan rumah tangga, melayan suami, mengandung, melahirkan anak, mendidik anak-anak yang telah dilahirkan dan mewujudkan

suasana yang tenang dan harmoni dalam keluarga (al-Siba'i, 1999; al-Hashimi, 2005; Al-Buty, 1996; al-Qardawi, 1995; Sayyid Sabiq, 1995; Abu Shuqqah, 2002; 2009). Peserta kajian mengambil langkah proaktif untuk memandikan anak setiap pagi sebelum hantar ke taska walau pun mereka boleh menghantar anak tanpa dimandikan (RSWC7, 2014:214). Memeluk anak setiap hari (SWC2, 2013:124). Sentuhan dan belaian tetap perlu diberikan oleh ibu bapa yang bekerja tanpa diletakkan sepenuhnya kepada pembantu rumah atau pengusaha taska (Abu Shuqqah, 2002; 2009). Jelasnya, anggota keluarga berhak mendapat kasih-sayang dan perhatian antara satu sama lain (al-Sartowi, 1997). Ibu bapa bertanggungjawab menjauhi penyakit-berjangkit, melakukan pemeriksaan kesihatan, menjaga pemakanan dan memastikan keselamatan keluarga sentiasa terjamin (Ghazali, 1997). Kesibukan bekerja tidak boleh dijadikan alasan untuk menyetepikan tanggungjawab memastikan pendidikan anak-anak berada di tahap yang baik. Rajah 2.6 berikut menunjukkan tanggungjawab dan pengurusan diri dalam kalangan ibu bapa yang baik sebagai asas pelaksanaan tanggungjawab yang berkesan.



Rajah 2: Model Pengurusan Peranan Ibu bapa dalam rumah tangga, kerjaya dan masyarakat menurut Azizi et al. (2009)

Keseimbangan dan pengurusan yang baik mampu menghasilkan produktiviti yang baik dalam rumah tangga dan kerjaya serta mengelakkan tekanan hidup yang berpanjangan (Azizi et al., 2009). Kesepuluh, berusaha memilih sekolah yang

baik untuk perkembangan anak yang seimbang dalam akademik dan sahsiah serta penghayatan terhadap hidup beragama (DGWC6, 2013:84; AWC6, 2014:260; 267; MWC4, 2013:340; MWC5, 2013:265; MWC7, 2013:300). Kenyataannya, (WC:FRT/HDPA/CIAS/SYB) "Lepas tu macam kami pun kurang sikit dari segi pendidikan agama kami hantar lah dekat sekolah yang kami harap dapat bagi lah kan..maksudnya invironmentnya tu lebih Islamic."(RSWC7, 2014:240). Memilih sekolah yang tidak berasingan antara akademik dan agama (bersepadu) (RSWC3, 2013:204; WC3, 2013:323). Kenyataannya, (WC:FRT/HDPA/CIAS/SYB) "Sebab bila dua-dua orang bekerja jadi terpaksa kena ambil satu sekolah yang tak berasingan dan tak memerlukan kita perlu mengambil dan menghantar anak dari satu sekolah ke sekolah yang lain."(RSWC4, 2013). Sekolah yang menjadi pilihan peserta kajian juga merupakan sekolah yang mempunyai asas tarbiyah Islam yang baik (AWC3, 2013:9; MWC7, 2013:300; RSWC1, 2013:304; RSWC3, 2013:368; RSWC6, 2013:560; SWC4, 2013:175). Contohnya, Solat Zohor termasuk dalam silibus (AWC5, 2013:139; RSWC3, 2013:215); mempunyai program musleh (RSWC5, 2013:141); suasana yang baik (RSWC7, 2013:240); pendidikan sahsiah menjadi keutamaan (SWC3, 2013:253; WC3, 2013:325); dan anak-anak banyak mendapat input agama di sana (SWC7, 2013:160). Seterusnya, ilmu yang diperolehi di sekolah dapat dipraktikkan di rumah (SWC7, 2013:172). Namun, ibu bapa tetap memantau anak di rumah sekali pun telah bersekolah di sekolah agama (WC3, 2013:361). Alasan utama pemilihan sekolah berorientasikan agama adalah faktor suasana tarbiyah Islamiyah, asas fardu ain dan pembentukan akhlak yang diserap dalam kehidupan seharian anak-anak. Malahan, sistem persekolahan bersepadu yang menggabungkan antara agama dan akademik dalam satu tempat amat memudahkan urusan menghantar dan mengambil anak. Hal ini menyebabkan, peserta kajian tidak perlu keluar pada waktu tengah hari untuk menguruskan pertukaran sekolah anak dari sekolah kebangsaan ke sekolah agama. Perkara ini menjimatkan masa dan memberikan


fokus kepada pekerjaan. Namun begitu, tidak semua ibu bapa mampu menghantar anak ke sekolah swasta kerana melibatkan kos pendidikan yang mahal berbanding sekolah aliran kebangsaan. Bagi pengkaji hal ini bukan faktor utama melahirkan anak-anak yang cemerlang terutamanya golongan berpendapatan rendah atau sederhana. Buktinya WC1, WC2, WC6, MWC5 dan MWC3 telah menghantar anak-anak ke sekolah aliran kebangsaan namun tetap membuahkan kejayaan dalam melahirkan anak-anak yang berjaya. Asasnya, pendidikan utama anak-anak sebenarnya bermula dari rumah (al-Buty, 1996; Abu Shuqqah, 2002; 2009). Ibu bapa tetap memantau anak di rumah sekali pun telah bersekolah di sekolah agama atau mendapat pendidikan di sekolah swasta (WC3, 2013:361).

Kesebelas, peserta kajian telah memilih untuk menghantar anak belajar dengan orang ‘alim dan soleh (AWC1, 2013:24; MWC3, 2013:96, 322; MWC5, 2013:258; RSWC3, 2013:143; RSWC4, 2014:287; WC2, 2013:98; WC5, 2013:315). Kenyataannya, (WC:FRT/HDPA/CIAS/BDOA) “Semasa saya ke UK, orang blame saya kenapa bawa anak ke sana. Di sana saya bertemu dengan seorang sheikh yang tinggal berdekatan dengan Mekah. Jadi, ustaz itu mengajarlah anak-anak.”(WC2, 2013). Anak-anak mestilah dihantar menuntut ilmu dengan orang-orang yang soleh agar sifat yang baik pada guru tersebut dapat membentuk jiwa mereka (Abdullah Nasih Ulwan, 1998). Para sahabat dan ulamak zaman silam menuntut dengan pelbagai guru di seluruh pelusuk dunia untuk mendalami ilmu. Sifat ini yang menjadikan umat Islam gemilang dengan ilmu dan dalam masa yang sama memiliki akhlak yang mulia (Afzalur Rahman dan Zaleha Ahmad, 1993).

## Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian ini adalah selari dengan bentuk didikan anak dalam Islam (Abdullah Nasih Ulwan, 1998; Muhammad Nur, 2010; Syeikh Khalid, 2014). Dapatan kajian ini juga menunjukkan mekanisme yang boleh dilaksanakan dalam konteks semasa bagi wanita

profesional yang mempunyai keterbatasan masa untuk mendidik anak-anak. Penggunaan kemudahan teknologi maklumat mampu membantu ibu bapa masa kini untuk menjalankan fungsi dan peranan mereka secara seimbang (Rahimah, 1999). Seorang ibu yang mithali sentiasa menyerlahkan keunikan diri sendiri, tidak berebut kuasa dengan anak, pelindung, positif dengan anak, didik anak berdikari, memaafkan, bekerja secara berjemaah, korban kepentingan peribadi, memberi perhatian, meneroka dan merangsang potensi anak, meningkat ilmu keibu bapaan, dan berdoa untuk keluarga (Mohd Arifin, 2011; Sharifuddin Aisa, 2008; Mohd Hamid dan Khaulah, 1994). Model realiti pendidikan kerohanian anak yang bersifat semasa hasil gabungan teori dan praktikal ditunjukkan dalam bentuk model menerusi Rajah 3 berikut.



Rajah 3: Model Realiti Pendidikan Kerohanian Anak Semasa

Semua amalan ini boleh dilakukan oleh segenap lapisan masyarakat sama ada bekerja atau suri rumah sepenuh masa. Jelasnya, amalan sebagai keluarga yang soleh ialah melaksanakan kewajipan terhadap Allah (s.w.t), mendidik ahli keluarga, membangun dan memajukan ahli keluarga, berkorban untuk keluarga, menjaga kedamaian dan kasih-sayang, menyelesaikan masalah dengan semangat kekeluargaan, menghormati perbezaan anggota keluarga, berkomunikasi dengan baik, menjaga batas pergaulan dalam keluarga dan menjauhi kerja yang sia-sia dan perbuatan maksiat (Abdul Rahman, 2001).

## Rujukan

Adawiyah, I. (2011). Pembentukan Keluarga Berkualiti dalam Kalangan Wanita Berkerjaya Menurut Islam: Kajian Kes di Putrajaya. Universiti Sains Malaysia:

Abdul Rahman Rukaini (2001). Siri Teras Ulum Islamiah, Munakahat. Synergymate Sdn. Bhd., Selangor.

Abdullah, N. U. (1991). Menyambut Kelahiran Sikap Islam dan Peranan Ibu bapa. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

Abdullah, N. U. (1998). Pendidikan Anak-anak Dalam Islam. (Terjemah Syed Ahmad Semait). Pustaka Nasional PTE LTD, Singapura.

Abu Shuqqah, A. H. M. (2002). Tahriru al-Mar'ah fi 'Usri al-Risalah. Dar al-Kalam, Kuwait.

Abu Shuqqah, A. H. M. (2009). Kebebasan Wanita. ,Terjemahan Farida Sulaiman dan Walid Lithfullah) Pustaka Dini, Selangor

Afzalur, R. & Zaleha, A. (1993). Ensiklopedia Sirah Peranan Wanita Islam. Jld.IV. Dewan Bahasa da Pustaka, Kuala Lumpur

Ahmad, S. (2001). Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam. Pustaka Nasional, Singapura.

Al-Buty, M. S. R. (1996). Al-Mar'ah Baina Thu'yan al-Nizam al-Gharbi wa Lataifi al-Tashri'i al-Rabbani. Dar al-Fikr, Damsyik.

Al-Hashimi, M. A. (2005). The Ideal Muslimah, Syakhsiyyah al-Mar'ah al-Muslimah. International Islamic Publishing House (IIPH), Saudi Arabia.

Al-Khin, M.B.M. & 'Ali, S. (2008). Kitab Fekah Mazhab Syafie, Jld 1. (Terjemah oleh Ridzuan Hashim, dan Juanda Jaya et al.),

Pustaka Salam, Kuala Lumpur.

Al-Qardawi, Y. (1995). Fatwa Masa Kini. Pustaka Salam Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

Al-Sartowi, M. A. (1997). Sharhu al-Qanun fi al-Ahwali al-Shakhsiyyah. Dar al-Fikr, 'Amman.

Al-Zuhaili, W. (2008). Al-Fiqhu al-Islami wa Adillatuhu. Dar al-Fikr, Damsyik.

Azizi Y., Halimah M., & Shahrin, H. (2009b). Modal Insan Membentuk Keluarga Berkesan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Azizi, Y. & Tan Soo Yin (2007). Kesihatan Mental. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Basri, I.H.A. (2009), Isu-isu Fiqh Halal & Haram Semasa, Jil.2, al-Hidayah Publication, Selangor.

Bushrah, B. (2006). Wanita Cemerlang. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Gall, J. P., Gall, M. D., & Borg, W. R. (2005). Applying Educational Research a Practical Guide. PEARSON, Boston, USA.

Ghazali, A. R. (1997). Memasuki Gerbang Perkahwinan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.

Kamarul, A. J., & Siti Fauziyani, M. S. @ M. (2007). Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, Malaysia.

Makiah, T. J., Abdul Muhkti, B. & Hisam, S. (2012). Pengguguran Bayi Mengikut Perspektif Islam dan Perundangan di Malaysia. Global Journal Al Thaqafah, 2(1):69-82. doi:10.7187/GJAT152012.02.01.

Maxwell, J. A. (1996). Qualitative Research Design An Interactive Approach. Vol.41. SAGE, London.

- Md., N. H. (2012). *Islamic Philosophy of Shariah Law*. Koros Press Limited, United Kingdom, London.
- Mohamad Najib, A. G. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal-Selidik Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Hamid, N., & Khaulah, A. Q. D. (1994). *Tarbiyatul al-Atfal fi Rihabil Islam fi al-Baiti wa al-Raudah*. Maktabah al-Sawadi li al-Tauzi, Jeddah.
- Mohd Roslan, M.N. (2012). Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden. *Jurnal Al-Tamaddun Bil. 6 (2011):107-121*.
- Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, Selangor, Malaysia.
- Muhammad Nur, A. H. S. (2010). *Prophetic Parenting Cara Nabi Mendidik Anak*. Pro U Media, Yogyakarta, Indonesia.
- Muhaya, M. (2013). *Program Celik Mata dan Jiwa Seorang Isteri TV9*. 24 Jun 2013.
- Parmjit, S., Chan Yuen Fook & Gurnam K.S. (2006). *A Comprehensive Guide to Writing A Research Proposal*. Venton Publishing, United Kingdom, London.
- Pittenger, D. J. (2003). *Behavioral Research Design and Analysis*. McGraw-Hill Higher Education, Boston Burr Ridge, Chicago, USA.
- Rahimah, A.K. (1999). *Keluargaku Syurgaku*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Richard, H., Hazadiah, M., & Habibah, A. (2005). *A Guide to Research in the Sosial Sciences*. Prentice Hall, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
- Salvana, D. G., & Judith, D. (2008). *Qualitative Research Design for Software Users*. Mc Graw Hill Open University Press, England.
- Sayyid Sabiq (1990). *Fiqh al- Sunnah*. Victory Agency, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sayyid Sabiq (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Syarikat Manar al-Daulah al-Fathu li ‘Ilami al-‘Arabi, Kaherah, Mesir.
- Sharifuddin, A. O. (2008). *Menangani Gejala Sosial: Peranan Keluarga*. Dalam Azrina Sobian. *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. 275, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Siti Fatimah, A. R. (2002). *Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Syeikh Khalid, A. R. (2014). *Kitab Fiqh Mendidik Anak Berdasarkan al-Quran dan Sunnah*. al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd, Selangor, Malaysia.
- Uwe, F., Ernst, V. K., & Ines, S. (2004). *A Companion to Qualitative Research*. SAGE Publications, London.
- Wan Kamal, M., & Allawati, K. (2012). *Muslim Kelas Menengah di Malaysia: Definisi serta Sumbangan dalam Bidang Ekonomi dan Politik*. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(2):1-39.
- Welman, Kauger & Mitchell (2005). *Research Methodology*. (3<sup>th</sup>Edition). Oxford University Press, Southern Africa.
- Zaini, U. (2009). *Mengangkasa Pengajian Tinggi*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor, Malaysia.
- Zeenath, K. (2002). *Woman’s Empowerment and Islam: The UN Beijing Document Platform for Action*. Ilmiah Publishers Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia.